

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004

September / Oktober 2003

YSK 501 – TEORI KOMUNIKASI LANJUTAN

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SATU [1]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **DUA [2]** soalan.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Teori dan model komunikasi dibentuk berasaskan pegangan ideologi pengasas dan pandangan tertentu tentang masyarakat. Bincang dengan menyediakan contoh-contoh wajar.
2. Dengan menyediakan contoh-contoh media, bincangkan dakwaan bahawa sistem komunikasi antarabangsa tidak boleh difahami tanpa kesedaran wujudnya fenomena imperialisme.
3. Bincangkan konsep 'hegemoni' dan, dengan contoh-contoh, gambarkan bagaimana sistem komunikasi memainkan peranan untuk mengatasi krisis hegemoni.
4. Teknologi komunikasi berperanan pusat dalam proses membangunkan masyarakat mundur. Bincangkan pemikiran ini dengan contoh-contoh.
5. Debat dan perselisihan faham di antara sarjana ekonomi politik komunikasi dengan sarjana kajian budaya bukannya akibat perbezaan ideologi, tetapi lebih merupakan perbezaan pendapat di dalam satu keluarga. Bincangkan pandangan ini.

- ooo O ooo -